

(3) Kami telah mengemukakan tender bagi .....

(kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak"), yang berkenaan dengan Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara terdapat dalam dan menjadi sebahagian dari Kontrak Utama.

We have submitted a tender for .....

(hereinafter called "the Sub-contract Works"), which is the subject of a Prime Cost or Provisional Sum in and forming part of the Main Contract.

(4) Menurut peruntukan berkaitan dalam Kontrak Utama, kami telah dinamakan untuk menjalankan dan menyiapkan Kerja Subkontrak ini di atas terma dan Syarat-syarat Subkontrak (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak") yang akan diikat di antara Kontraktor dan Kami.

In accordance with the relevant provisions in the Main Contract, we have been nominated to execute and complete the Sub-contract Works on the terms and conditions of a sub-contract (hereinafter called "the Sub-contract" to be entered into between the Contractor and us.

(5) Sebagai balasan ke atas pengakuanjanji Kerajaan untuk membayar terus kepada Kami amaun yang disahkan sebagai kena dibayar kepada Kami dalam Perakuan-perakuan Interim atau Perakuan Muktamad menurut dan tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak Utama dan Subkontrak ini, Kami dengan ini membuat pengakuanjanji yang tidak boleh terbatal untuk melindungi dan menanggung rugi Kerajaan terhadap dan dari :

In consideration of the Government undertaking to pay direct to us the amount certified as due to us in Interim Certificates or the Final Certificate in accordance with and subject to the relevant provisions of the Main Contract and the Sub-contract, we hereby irrevocably undertake to indemnify and save harmless the Government, against and from :

- (i) sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh Kerajaan membuat bayaran terus kepada kami; dan  
*any liability of the Government to the Contractor howsoever arising, due to the making by the Government of payments direct to us; and*
- (ii) sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami; dan  
*any liability of the Government to the Contractor howsoever arising, due to any act, neglect, or omission, or any breach, non-observance or non-performance of the provisions of the Sub-contract by us, our servants or agents; and*
- (iii) sebarang kerugian dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen kami.  
*any loss and/or expense incurred by the Government howsoever arising, due to any act, neglect or omission, or any breach, non-observance or non-performance of the provisions of the Sub-contract by us, our servants or agents.*